

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR @  
YUSRE BIN MOHD AKIN  
[ HANG TUAH JAYA ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah perancangan jangka pendek dan panjang untuk memastikan masalah bau yang kuat dari Pusat Pelupusan Sampah Sungai Udang sehingga mengganggu persekitaran termasuk kawasan perumahan, pusat perniagaan dan pusat pendidikan termasuk Sekolah Menengah Sains yang sedang dalam pembinaan dapat ditangani.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa kini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang membina sel baharu fasa 3 secara berperingkat di Tapak Pelupusan Sanitari (TPS) Sungai Udang mulai 10 Oktober 2019 dan dijangka selesai pada 25 Februari 2021 sebagai salah satu langkah jangka pendek. Pembinaan sel baharu ini dijangka dapat menampung lebih kapasiti sisa pepejal yang diterima oleh TPS Sungai Udang dan seterusnya membantu mengatasi masalah pencemaran bau yang sering berlaku. Selain itu, Kementerian juga telah mengambil langkah-langkah pencegahan bau di tapak seperti berikut:

- (i) memastikan kawasan sampah terdedah kurang 20% daripada keseluruhan sel dengan penutupan tanah secara harian atau penutupan dengan penggunaan *liner*;
- (ii) meningkatkan penggunaan bahan pengurangan bau *Effective Microorganism* (EM) setiap hari di kawasan sampah yang terdedah dan di kawasan fasiliti pengasingan sisa pepejal *Material Recovery Facility* (MRF);
- (iii) menyediakan pusat khidmat aduan/talian aduan;
- (iv) menyediakan petunjuk arah angin bagi mengenal pasti dan meninjau serakan bau yang berlaku;
- (v) rondaan dan semakan harian pencemaran bau turut dijalankan di 6 lokasi kediaman dan komersial; dan
- (vi) melaksanakan semakan pematuhan *Key Performance Indicator* (KPI) ke atas operator tapak dan memastikan

operator tersebut mematuhi standard piawaian Jabatan Alam Sekitar (JAS).

2. Bagi perancangan jangka panjang pula, KPKT telah merancang untuk membina loji rawatan berkonsepkan *waste to energy* (WtE) di Sungai Udang, Melaka. Pada masa kini, KPKT bersama dengan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) sedang dalam peringkat untuk memuktamadkan penyediaan dokumen *Request for Proposal* (RfP) bagi pembinaan loji rawatan WtE berkenaan.

3. Pembinaan loji rawatan WtE ini akan dapat mengurangkan kuantiti sisa pepejal yang perlu dilupuskan ke tapak pelupusan seterusnya dapat mengatasi isu-isu kebakaran, bau, limpahan air larut resap (*leachate*) dan sebagainya. Kementerian akan memastikan bahawa teknologi yang akan dipilih bagi loji rawatan WtE ini adalah teknologi yang terbukti berkesan dan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh JAS dan agensi-agensi lain yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.